

Jelajah Proton e.MAS 7 Memulakan Pengembaraan EV di Seluruh Negara

Buat kali pertamanya Proton e.MAS 7 mengembara lebih 2,000 kilometer merentasi seluruh Malaysia.

SUBANG JAYA, 20 September 2024 - PROTON meraikan pencapaian penting di *Centre of Excellence* (COE) pada hari ini, dengan pelancaran rasmi Jelajah Proton e.MAS 7. Acara bersejarah ini menyaksikan penyerahan baton daripada Jelajah Dunia Geely E5 kepada Proton e.MAS 7 yang akan memulakan babak baharu yang penuh dengan inovasi dan eksplorasi di seluruh Malaysia.

Sebagai jenama EV pertama negara adalah wajar bagi Proton e.MAS untuk menjadi yang pertama mengadakan jelajah di seluruh negara dengan hanya menaiki kenderaan EV. Jelajah Proton e.MAS 7 ini bertujuan untuk berinteraksi dengan rakyat Malaysia serta memberikan mereka peluang pandang pertama untuk mengalami sendiri kenderaan ini yang akan menempuh lebih daripada 2,000km merentasi pelbagai jenis laluan dan landskap, dari jalan pantai sehingga ke kawasan pergunungan sambil mempamerkan prestasinya.

e.MAS 7 Memulakan Perjalanan Dari Semenanjung ke Sabah & Sarawak

Jelajah Proton e.MAS 7 akan bermula pada 5 Oktober 2024, mengembara ke setiap negeri di dalam Malaysia. Bermula dengan Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor pada peringkat pertama, kemudian bergerak ke Pahang, Terengganu, dan Kelantan, diikuti oleh Perak, Pulau Pinang, Kedah, dan Perlis. Jelajah ini akan diteruskan melalui KL dan Selangor sebelum menuju ke Malaysia Timur, bermula di Sabah dan berakhir di Sarawak.

"Proton e.MAS sangat berbangga untuk memulakan perjalanan ini dengan e.MAS 7. Matlamat kami adalah untuk memberikan rakyat Malaysia pengalaman yang menarik tentang bagaimana kenderaan ini mengharungi keadaan jalan dan iklim unik di negara kita. Jelajah ini bukan sahaja akan meraikan komuniti kita yang berwarna-warni ini tetapi juga memupuk hubungan yang erat dengan para pelanggan kami," kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET.

Sebelum jelajah ini bermula, orang ramai berpeluang untuk melihat Proton e.MAS 7 dan pasukan PRO-NET beraksi di lokasi utama di Putrajaya pada 25 September dan Shah Alam pada 26 September. Datanglah beramai-ramai untuk berjumpa dengan pasukan kami dan kongsi cadangan anda untuk hentian pit terbaik sepanjang jelajah ini.

Direka untuk Ketahanan dalam Keadaan Cuaca yang Mencabar

Perjalanan 3,700 km ke selatan Geely E5 menghadapi keadaan mencabar akibat Taufan Yagi. Sebagai model kembar Proton e.MAS 7, Geely E5 berjaya mengharungi air banjir dan pelbagai keadaan jalan tanpa sebarang insiden, menguatkan lagi kebolehpercayaan teknologinya.

"Keberhasilan Geely E5 memandu lebih 3,700 km dari China ke Malaysia adalah satu pencapaian yang sangat penting. EV baharu ini berjaya mengharungi cuaca buruk dan keadaan jalan yang mencabar, termasuk air banjir. Ketahanan, kebolehpercayaan, dan kualiti Galaxy E5 mempamerkan keunggulan kejuruteraannya di sebalik Proton e.MAS 7 dimana menunjukkan bagaimana ia akan menjadi pengubah permainan untuk pasaran kita," tambah Zhang Qiang.

Strategi PROTON dalam memperluas penerimaan EV dan ekosistem tempatan merangkumi kerjasama strategik dan perkongsian ilmu pengetahuan dalam menangani kebimbangan yang berkaitan dengan segmen ini. Selain itu, usaha sama syarikat Geely telah membolehkan Proton e.MAS 7 dibangunkan secara serentak dengan Geely E5 yang dilengkapi dengan teknologi terbaik dunia, menjadikannya penyelesaian mobiliti lestari yang disesuaikan khusus untuk rakyat Malaysia.

Berdasarkan ketahanan dan kebolehpercayaan yang ditunjukkan oleh Geely E5 semasa perjalanan 3,700 kilometer dari China ke Malaysia, Proton e.MAS 7 direka untuk berfungsi dengan baik dalam apa jua keadaan dari mengharungi cuaca yang mencabar sehingga mempamerkan keunggulan kejuruteraannya. Proton e.MAS 7 telah bersedia untuk memberikan impak yang berkekalan.

Ikuti Jelajah Proton e.MAS 7 di saluran media sosial rasmi dan berpeluang untuk berinteraksi dengan pempengaruh kami semasa mereka meneroka stesen pengecasan dan mengunjungi hentian makanan yang terbaik di setiap negeri. Sertai pengembaraan menarik ini sambil kita meneruskan perjalanan menuju masa depan yang lestari untuk Malaysia. #eMAS7Tour #JELAJAHeMAS7

Ikuti laman [web](#) Proton e.MAS dan akaun media sosial rasmi di bawah nama pengguna "Proton e.MAS Cars" di [Facebook](#) dan [Xiaohongshu](#), serta "@protonemasofficial" di [Instagram](#) dan [TikTok](#) untuk mendapatkan maklumat terkini.

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional dan tenaga baharu pertama Malaysia, sub-jenama PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Berperanan penting dalam penerimaan EV dan membina ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk menerajui usaha ke arah pengangkutan lestari dengan dedikasi yang teguh terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang komprehensif, dan ekosistem kami memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk kami PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASI HUBUNGAN dengan terus memberikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan Piawai Antarabangsa. Proton e.MAS telah dilancarkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-2194581

Email: salawati@proton.com

Chongreena Cirikwong

Assistant Manager, Public Relations & Branding

Telephone: +60123017258

Email: reenacw@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Nicholas Nathaniel Raj

H/Advisors Klareco

Telephone: +6017 610 3249

Email: nicholas.raj@h-advisors.global

Joshua Fredrick

H/Advisors Klareco

M: +6012 392 8943

Email: joshua.fredrick@h-advisors.global